



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PELANCARAN PIAGAM AUDIT
(AUDIT CHARTER) MBSP SECARA VIRTUAL
SEMPENA HARI AUDIT MBSP 2021**

TARIKH / MASA / TEMPAT
23 FEBRUARI 2021 (SELASA)
11.00 PAGI

**DEWAN KENANGA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Semua kakitangan MBSP

Rakan-Rakan media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu dan berhimpun pada pagi yang barakah ini di Majlis Sambutan Hair Audit Peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP, Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urus setia yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Ini merupakan julung kali, MBSP menganjurkan Hari Audit Peringkat MBSP tahun 2021 dan merupakan program yang pertama kalinya diadakan di MBSP. Idea untuk menganjurkan Hari Audit ini tercetus apabila semua

Jabatan di MBSP telah berjaya mencapai tahap lima (5) Bintang di dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti / *Accountability Index* (AI) secara *self-auditing*. Pengiktirafan sewajarnya diberi kepada Jabatan dan pegawai bertanggungjawab / *person in charge* (PIC) di Jabatan kerana mereka telah berjaya mewujudkan suasana kerja patuh peraturan terutamanya peraturan kewangan.

Selain itu, penganjuran Hari Audit ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran berkenaan fungsi dan peranan audit serta peranan dan tanggungjawab *Auditee* (organisasi / Ketua Jabatan dan semua kakitangan MBSP) dalam perlaksanaan audit dalaman dan perlaksanaan kerja di jabatan. Hal ini untuk memastikan perlaksanaan pematuhan ke atas Undang-Undang dan peraturan yang berterusan di Jabatan. Jabatan juga diharapkan untuk memastikan penambahbaikan secara berterusan dibuat di Jabatan untuk mewujudkan tadbir urus yang cemerlang.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, MBSP sentiasa menganggap Juruaudit sebagai rakan strategik dalam pentadbiran MBSP yang berkhidmat dalam memeriksa dan menilai aktiviti organisasi. Malahan MBSP telah mengambil langkah meletakkan Unit Audit Dalam terus di bawah Datuk Bandar dan bertanggungjawab melaporkan kepada Datuk Bandar. Semua aktiviti di dalam organisasi adalah terlibat di dalam skop audit

dalaman. Perkhidmatan yang audit dalaman berikan telah memberi manfaat kepada seluruh organisasi.

Dengan adanya Hari Audit dan pengisian program-program yang berkaitan audit, ia sedikit sebanyak dapat mengurangkan jurang jangkaan (*expectation gap*) di antara jangkaan *auditee* (Organisasi, Ketua Jabatan dan kakitangan) terhadap prestasi juruaudit dan persepsi *auditee* (Organisasi, Ketua Jabatan dan kakitangan) ke atas prestasi sebenar juruaudit apabila masing-masing jelas dengan peranan yang sepatutnya dimainkan.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

MBSP juga telah menubuhkan Unit Integriti pada tahun 2020 bertujuan untuk meningkatkan integriti di kalangan Pegawai dan Kakitangan MBSP. Antara usaha-usaha yang telah dibuat oleh Unit Integriti adalah mewujudkan Pelan Anti Rasuah yang pertama di kalangan Agensi Kerajaan di Malaysia. Pelan Anti Rasuah ini telah dilancarkan pada 26 November 2020 dan MBSP mensasarkan rasuah sifar bermula tahun 2020.

Pelan Anti Rasuah dan Piagam Audit UAD MBSP merupakan yang pertama di wujudkan di kalangan PBT di Malaysia. Kesannya adalah rakyat

dapat berurusan dengan Majlis dengan lebih telus, cepat, serta menjimatkan kos. Disamping itu, mutu penyampaian perkhidmatan dapat ditingkatkan.

Sempena Sambutan Hari Audit Peringkat MBSP tahun 2021 ini juga, Piagam Audit Unit Audit Dalam MBSP yang diguna pakai oleh Unit Audit Dalam di dalam pelaksanaan audit dalaman di MBSP akan dilancarkan. Selain itu, Piagam Audit ini juga akan digunakan oleh jabatan sebagai sumber rujukan berkaitan tugas audit dalam.

Piagam Audit UAD MBSP menjelaskan peranan dan tanggungjawab pihak Audit dan pihak *auditee* dan ia juga menjelaskan bagaimana pengurusan dan pentadbiran audit dalaman dan kuasa serta punca kuasa. Piagam Audit turut menjelaskan fasa-fasa di dalam audit operasi di samping audit dalaman mempunyai fungsi yang bebas dalam aktivitinya tanpa berat sebelah dan tanpa sekatan ke atas perseorangan, rekod, kemudahan, dan produk atau perkhidmatan.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Bagi memeriahkan Sambutan Hari Audit Peringkat MBSP Tahun 2021, terdapat empat (4) program yang telah dijalankan iaitu:-

I. Penyampaian Sijil Anugerah Lima (5) Bintang Dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti / *Accountability Index (Ai)* Secara *Self-Auditing* Bagi Tahun 2020.

MBSP berjaya mengekalkan penarafan lima (5) Bintang iaitu pencapaian tahap Cemerlang berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 pada tahun 2018 di dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara.

Bermula tahun 2020, Perlaksanaan Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti tidak lagi dijalankan oleh Jabatan Audit Negara dan diambil alih oleh Unit Audit Dalam (UAD) MBSP. Sehubungan dengan itu, perlaksanaan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan indeks akauntabiliti secara *self-auditing* telah dijalankan oleh UAD MBSP pada tahun 2020.

Hasil audit tersebut telah menunjukkan semua Jabatan di MBSP telah berjaya mengekalkan pencapaian lima (5) bintang. Oleh itu, program ini diadakan bagi memberi penghargaan kepada semua Jabatan di atas pencapaian lima (5) bintang di dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti / *Accountability Index (AI)* Secara *Self-Auditing* Bagi Tahun 2020.

II. Pertandingan Projek / Program Sempena Hari Audit Peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Tahun 2021

Tujuan program ini diadakan adalah untuk menggalakkan dan memastikan Jabatan mematuhi dan melaksanakan aktiviti mengikut Undang-Undang dan lain-lain Peraturan yang telah diguna pakai oleh MBSP secara berterusan.

Penyertaan projek / program yang layak untuk memasuki pertandingan ini adalah bagi projek / program yang dijalankan pada tahun 2020, 2021 atau kedua-duanya. Kandungan projek / program adalah berkaitan dengan pengenalan, pemahaman dan pengamalan bagi pematuhan kepada Undang-Undang dan lain-lain

Peraturan seperti Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Arahan, Pekeliling Perbendaharaan, Pekeliling Perkhidmatan dan lain-lain peraturan yang diguna pakai oleh MBSP.

Tarikh tutup untuk mengemukakan borang penyertaan yang lengkap adalah pada atau selewat-lewatnya 19 Februari 2021 (Jumaat) dan sebanyak tujuh (7) Jabatan telah menghantar penyertaan.

Hadiah yang menarik juga telah ditawarkan kepada Jabatan yang menghantar penyertaan yang banyak seperti berikut:

- a. Hadiah tempat pertama: RM150.00 dan sijil penyertaan
- b. Hadiah tempat kedua: RM100.00 dan sijil penyertaan
- c. Hadiah tempat ketiga: RM50.00 dan sijil penyertaan.

III. Anugerah Pekerja Contoh Audit Bagi Tahun 2020 Sempena Hari Audit Peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai Tahun 2021

Jabatan dikehendaki untuk menghantar sebanyak tiga (3) penyertaan untuk setiap Jabatan / Bahagian dan satu (1) penyertaan untuk setiap Unit.

Tujuan anugerah ini diberikan adalah untuk mengiktiraf kakitangan di Jabatan di atas komitmen yang diberikan dalam memastikan pematuhan ke atas Undang-Undang dan lain-lain peraturan berkaitan pengurusan kewangan yang diguna pakai dalam menjalankan tugas harian di Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Tarikh tutup untuk mengemukakan borang penyertaan ini kepada pihak UAD adalah selewat-lewatnya 17 Februari 2021 dan sebanyak 20 Jabatan telah mengemukakan borang penyertaan.

IV. Kuiz Pemahaman Berkaitan Audit Sempena Hari Audit Peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai 2021

Tujuan peraduan kuiz ini adalah untuk menguji kefahaman kakitangan MBSP tentang peranan Audit dan peranan *Auditee* dalam perlaksanaan tugas harian.

Peraduan ini terbuka kepada semua kakitangan MBSP secara atas talian iaitu melalui link <http://bit.ly/kuizaudit21>. Peraduan ini telah dilaksanakan bermula pada 11 Februari dan tamat pada 17 Februari 2021.

Pelbagai hadiah menarik yang ditawarkan kepada kakitangan yang menyertai peraduan ini berupa wang tunai iaitu:-

- a. Pemenang tempat pertama: RM100.00
- b. Pemenang tempat kedua: RM70.00
- c. Pemenang tempat ketiga: RM50.00

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Penganjuran Sambutan Hari Audit Peringkat MBSP Tahun 2021 secara tidak langsung telah memberi pemahaman kepada semua kakitangan berkenaan peranan Audit dan peranan *Auditee* (organisasi / jabatan) dalam perlaksanaan Audit Dalaman.

Selain itu, melalui Sambutan Hari Audit Peringkat MBSP Tahun 2021 ini juga telah menggalakkan Jabatan melaksanakan program atau aktiviti mengikut Undang-Undang dan lain-lain peraturan yang telah digariskan selain daripada peraturan kewangan secara berterusan.

Pengiktirafan kepada Jabatan yang mendapat lima (5) bintang di dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti / *Accountability Index* (AI) Secara *Self-Auditing* Bagi Tahun 2020 sedikit sebanyak telah meningkatkan tadbir urus di Jabatan kerana Jabatan bertanggungjawab untuk memahami keperluan pematuhan ke atas Peraturan Kewangan yang diguna pakai di MBSP kerana pengauditan ini dijalankan secara *self-audit* iaitu Jabatan menilai sendiri pematuhan mereka terhadap Peraturan Kewangan yang diguna pakai tersebut.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Di kesempatan ini, saya mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada pemenang-pemenang bagi pertandingan-pertandingan yang diadakan sempena Sambutan Hari Audit Peringkat MBSP Tahun 2021 ini. Menang atau tidak, anda semua telah Berjaya menunjukkan komitmen yang tinggi serta melaksanakan *self-auditing* Jabatan untuk menilai sendiri pematuhan terhadap Peraturan Kewangan yang diguna pakai.

Saya menyeru semua kakitangan MBSP sentiasa mengamalkan profesionalisme yang tinggi, melaksanakan tugas tanpa berbelah demi meningkatkan kualiti hidup penduduk Seberang Perai dan menjayakan Wawasan *Penang2030* dan Visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi (*Seberang Perai Resilient, Inclusive, Green, Competitive and Technology Driven Smart City*).

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, dengan rasa besar hati dan dengan lafaz “Bismillahirrahmanirrahim” saya dengan ini merasmikan Piagam Audit Unit Audit Dalam MBSP dan sekali gus merasmikan Sambutan Hari Audit Peringkat MBSP tahun 2021.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.